

Headline	Pulihara ekosistem, lindungi hidupan liar		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	21 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Perspektif	Circulation	56,027
Page No	40	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	441 cm ²
Journalist	Tuty Haryanti Ahmad Rodzi	AdValue	RM 14,603
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,809



Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kawasan koridor Ekologi Central Forest Spine (CFS) meliputi kawasan Hutan Simpan Amanjaya, Hutan Simpan Temengor dan Hutan Simpan Royal Belum memang terkenal dengan panorama yang indah.

Lokasinya yang terletak antara Gerik, Perak dan Jeli, Kelantan juga kaya keindahan flora dan fauna.

Malah, kawasan berkenaan juga menjadi tulang belakang kepada Rangkaian Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

Untuk memastikan kawasan itu menjadi lebih baik diadakan program Tanam-On-The-Go, iaitu sebahagian daripada projek Improving Connectivity in the Central Forest Spine (IC-CFS) yang bertujuan meningkatkan kesinambungan landskap hutan yang terpisah serta memulihara biodiversiti.

Menurut pengurus projek IC-CFS, Dr Samsudin Musa, program itu sebagai permulaan dalam memperkenalkan penanaman spesies pokok asli dan meningkatkan kesedaran mengenai pemuliharaan biodiversiti dalam kalangan pemegang taruh dan komuniti setempat.

Katanya, projek itu juga bertujuan menambah baik rangkaian ekologi melalui pemuliharaan kawasan hutan yang terosot, di mana pokok nadir yang digemari oleh hidupan liar akan ditanam sebanyak mungkin.

"Ketika ini garis panduan bagi penanaman pokok tumbuhan makanan untuk hidupan liar kini sedang disediakan untuk kegunaan yang lebih meluas oleh pihak yang terbabit dalam pemuliharaan hutan," katanya.

Pulihara ekosistem, lindungi hidupan liar

Tingkatkan kesinambungan landskap hutan daripada pupus



Baru-baru ini diadakan program Tanam-On-The-Go di kawasan Hentian Rehat Titiwangsa, Gerik.

Program itu adalah sebahagian daripada projek IC-CFS yang bertujuan meningkatkan kesinambungan landskap hutan yang terpisah serta memulihara biodiversiti.

IC-CFS diterajui oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) itu turut mendapat kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Lindungi hidupan liar
Pengarah Perhutanan Perak, Da-

tuk Mohamed Zin Yusop, berkata sekurang-kurangnya separuh kawasan tanah negara di bawah litupan hutan perlu dikekalkan.

Katanya, dalam mengekalkan komitmen itu memerlukan usaha sama antara kerajaan, pihak swasta dan orang ramai.

"Ini bukan sahaja membantu kita dalam mengekalkan hutan malah melindungi hidupan liar daripada pupus," katanya.

Berdasarkan statistik oleh Jabatan PERHILITAN, dari 2015 sehingga 2019, lebih 2,055 hidupan liar terbabit dalam kemalangan jalan raya di negara ini dengan sebahagiannya disebabkan oleh

▲
Hutan Simpan Royal Belum terkenal dengan keindahan panorama alam sekitarnya.

fragmentasi hutan dan hidupan liar yang sesat. Ia mengakibatkan ketika ini terdapat kurang daripada 130 ekor gajah dan 50 ekor harimau tinggal di hutan di Perak.

Dengan rangkaian ekologi yang dibina dalam CFS menyediakan laluan yang selamat untuk pergerakan haiwan antara landskap hutan yang terpisah, sekali gus mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif untuk kehidupan hidupan itu.

Malah, program demikian diperlukan di Johor dan Pahang pada bulan ini dan Disember depan dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri, Jabatan PERHILITAN, FRIM dan rakan badan bukan kerajaan (NGO).